

TEKS UCAPAN

**YB MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH
MAJLIS PENYERAHAN SURAT PENTAULIAHAN PESERTA
FELCRA RTK BUKIT SIJAU DAN AGROPOLITAN LEPAR, PEKAN,
PAHANG**

25 FEBRUARI 2017

PENDAHULUAN

1. PERTAMANYA, MARILAH KITA BERSAMA-SAMA MENGUCAPKAN SYUKUR ALHAMDULILLAH, KE HADRAT ALLAH SWT, KERANA DENGAN KEIZINAN-NYA JUA, DAPAT KITA BERSAMA-SAMA BERKUMPUL PADA PAGI YANG PENUH BERMAKNA INI BAGI MENJAYAKAN MAJLIS PENYERAHAN SURAT PENTAULIAHAN PESERTA FELCRA RTK BUKIT SIJAU DAN AGROPOLITAN LEPAR, PEKAN, PAHANG.
2. MAJLIS INI MENJADI LEBIH BERMAKNA LAGI KERANA IANYA TURUT DIHADIRI OLEH PEMIMPIN UTAMA NEGARA, SEORANG YANG BERPANDANGAN JAUH SERTA BERWAWASAN, PEMIMPIN YANG SENTIASA PRIHATIN DALAM MEMBELA NASIB KITA SEMUA, JUGA PENJANA UTAMA PEMBANGUNAN LUAR BANDAR, IAITU PEMIMPIN YANG KITA SAYANGI, YAB DATO' SRI MOHD. NAJIB TUN HAJI ABDUL RAZAK, PERDANA MENTERI MALAYSIA.
3. SAYA MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA YAB DATO' SRI PERDANA MENTERI, KERANA SUDI HADIR BERSAMA KAMI, SAMBIL BERAMAH MESRA DENGAN PESERTA DAN WARGA DESA DI SINI, WALAUPUN SENTIASA DIGALASI OLEH TUGASAN YANG BANYAK MEMIMPIN NEGARA KITA YANG TERCINTA INI.
4. SESUNGGUHNYA DENGAN KEHADIRAN YAB DATO' SRI TELAH MENYERIKAN LAGI MAJLIS KAMI INI, MALAH TERUS MENYEMARAKAN SEMANGAT KAMI MENYOKONG KEPIMPINAN YAB DATO SRI DEMI KESEJAHTERAAN DAN KESTABILAN NEGARA BERDAULAT, MALAYSIA TANAH TUMPAHNYA DARAH KITA.

UCAPAN TERIMA KASIH DI ATAS SOKONGAN YAB PERDANA MENTERI.
YAB DATO SRI, DAN SIDANG HADIRIN SEKALIAN,

5. SEBELUM SAYA MENERUSKAN UCAPAN, SAYA MEWAKILI SELURUH WARGA LUAR BANDAR SEKALI LAGI MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH DI ATAS KEPRIHATINAN DAN SOKONGAN PADU YAB DATO SRI YANG TELAH MEMBERIKAN BEBERAPA KELULUSAN PERUNTUKAN YANG BESAR DEMI KESEJAHTERAAN KAMI.
6. PERTAMANYA, TERIMA KASIH KERANA YAB. DATO SRI TELAH MELULUSKAN PERUNTUKAN SEBANYAK RM100JUTA BAGI PROGRAM RUMAH BINA NEGARA FELCRA. MANAKALA DI PERINGKAT KKLW

SAHAJA SAYA TELAH MENSASARKAN SEBANYAK 673 UNIT RUMAH BN AKAN DIBINA DALAM TAHUN 2017 INI.

7. KAMI JUGA TURUT BERTERIMA KASIH KEPADA YAB. DATO SRI KERANA TELAH MELULUSKAN SEBANYAK RM3,090JUTA BAGI MEMBIAYAI PROGRAM BEKALAN AIR LUAR BANDAR UNTUK 3RIBU RUMAH, BEKALAN ELEKTRIK LUAR BANDAR UNTUK 9,875 RUMAH, JALAN LUAR BANDAR SEPANJANG 220 KILOMETER DAN LAMPU JALAN KAMPUNG SEBANYAK 122,133 UNIT. KKLW TELAH MEMBERI PELUANG KEPADA FELCRA BERHAD SEBAGAI AGENSI PELAKSANA DALAM PROGRAM-PROGRAM DI ATAS.
8. KAMI JUGA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA YAB. DATO SRI KERANA TELAH MENGUMUMKAN FELCRA BERHAD SEBAGAI AGENSI PELAKSANA UTAMA DALAM INDUSTRI *FOOD SECURITIES* NEGARA.
9. PENGUMUMAN INI SECARA LANGSUNG TELAH DAPAT MEMBANTU USAHAWAN TANI FELCRA MENJANA PRODUK-PRODUK BERKAITAN GEDUNG MAKANAN NEGARA DI LUAR BANDAR.

ASPIRASI MEMBANDARKAN LUAR BANDAR

10. SELAKU MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH, SAYA DIBERI TANGGUNJAWAB KHUSUS MENJAGA, MENYELIA, MEMANTAU DAN MENILAI PROGRAM-PROGRAM DAN AKTIVITI-AKTIVITI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SECARA MENYELURUH YANG DILAKSANAKAN OLEH AGENSI-AGENSI DI BAWAH SELIAAN SAYA SEPERTI FELCRA Berhad INI SENDIRI, MARA, RISDA, JAKOA, KEMAS, INFRA, KESEDAR, KETENGAH, KEDA, KEJORA DAN TEREMASUKLAH JUGA DI SABAH DAN SARAWAK.
11. KITA SENTIASA MENGGEMBELING KEKUATAN TENAGA, IDEA DAN STRATEGI PENGURUSAN DI BAWAH SATU BUMBUNG KKLW, DALAM MELAKSANAKAN PROGRAM-PROGRAM PEMBANGUNAN, DENGAN PENDEKATAN KERJASAMA ERAT DI KALANGAN AGENSI-AGENSI DI BAWAH KKLW....DEMI WARGA DESA.
12. KITA JUGA TELAH MEMPERKENALKAN TRANSFORMASI LUAR BANDAR YANG MEMBAWA ASPIRASI MEMBANDARKAN LUAR BANDAR YANG ANTARA LAINNYA MEMBAWA MAKSUD MENJADIKAN KAWASAN LUAR BANDAR YANG KONDUSIF DENGAN PELBAGAI AKSESIBILITI DAN KEMUDAHAN SEPERTI YANG DINIKMATI OLEH PENDUDUK BANDAR.

13. SELAIN ITU, KKLW TERUS MENDUKUNG HASRAT UNTUK MEMAJUKAN LUAR BANDAR MELANGKAUI PENYEDIAAN ASAS, DI SAMPING MENJANA PENDAPATAN LEBIH TINGGI MELALUI AKTIVITI-AKTIVITI EKONOMI, KEUSAHAWANAN DAN MENCIPTA PELUANG PEKERJAAN.
14. MANAKALA DI DALAM ASPEK PEMBANGUNAN MODAL INSAN PULA, KKLW TELAH MENGATUR PROGRAM-PROGRAM BAGI MEMAJUKAN MASYARAKAT LUAR BANDAR MELALUI PERUBAHAN SIKAP DAN MINDSET, PENINGKATAN ILMU DAN KEMAHIRAN.

FOKUS KKLW 2017

15. SELARAS DENGAN GAGASAN ASPIRASI DAN TRANSFORMASI YANG SAYA SEBUTKAN TADI, KERAJAAN TELAH MEMPERUNTUKKAN KEPADA KKLW SEBAHAGIAN DARIPADA BAJET KERAJAAN BAGI TAHUN 2017 UNTUK MEREALISASIKAN PELAKSANAAN PROGRAM-PROGRAM SEPERTI PEMBANGUNAN PRASARANA, MODAL INSAN, EKONOMI, USAHAWAN, SISTEM PENYAMPAIAN DAN PEMBANGUNAN BELIA.
16. BERDASARKAN PERUNTUKAN YANG TELAH DILULUSKAN OLEH KERAJAAN ITU, KKLW TELAH MENGATUR STRATEGI PELAKSANAAN MENERUSI 6 FOKUS YANG MASING-MASING AKAN MEMBERI KESAN LANGSUNG KEPADA KESELESAAN WARGA DESA.
17. 6 FOKUS BERKENAAN ADALAH PRASARANA, PEMBANGUNAN BELIA, EKONOMI, KEUSAHAWANAN, MODAL INSAN DAN SISTEM PENYAMPAIAN.
18. SAYA AKAN PASTIKAN SUPAYA SEMUA PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN TERUTAMANYA PROJEK PRASARANA DISIAPKAN PADA JUN 2017 DAN TELAH MEMINTA JUGA SUPAYA SEMUA PENGURUS PROJEK MEMANTAU PELKSANAAN PROJEK SECARA MENYELURUH TERMASUK KEMAJUAN PELAKSANAAN DI TAPAK SUPAYA SEMUA PROJEK PEMBANGUNAN ITU DAPAT DINIKMATI OLEH RAKYAT DI LUAR BANDAR MENGIKUT JADUAL YANG SEPATUTNYA.
19. BAGI TAHUN INI JUGA SAYA LEBIH FOKUS KEPADA PENYEDIAAN PELUANG NIAGA KEPADA 3 RIBU BELIA DALAM PROGRAM MOBILEPRENEUR YANG SAYA LIHAT DAPAT MEMBERIKAN KEUNTUNGAN TUNAI SEGERA KEPADA PARA BELIA, MELALUI

PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN YANG DIBERIKAN SEHINGGA KE PINTU RUMAH PELANGGAN.

20. BEGITU JUGA DENGAN PROGRAM RUMAH BINA NEGARA YANG MENJADI AGENDA KKLW PADA TAHUN INI DENGAN KOMITMEN BINAAN SEBANYAK 673 UNIT, DEMI KESELESAAN GENERASI KEDUA UNTUK MEMILIKI RUMAH MAMPU MILIK.
21. BAGI FOKUS EKONOMI, SAYA TELAH MEMINTA SUPAYA SEMUA AGENSI TERUS MEMPERKASAKAN AKTIVITI TERAS MASING-MASING. SEBAGAI CONTOHNYA FELCRA HENDAKLAH TERUS MELAKSANAKAN PROGRAM PEMBANGUNAN TANAH DENGAN TANAMAN KOMODITI MENERUSI PROJEK PENYATUAN DAN PEMULIHAN TANAH DAN JUGA TANAM SEMULA.
22. KEUSAHAWANAN JUGA TERUS MENJADI TERAS FOKUS KKLW BAGI TAHUN INI DENGAN PROGRAM DESA LESTARI MENJADI ANTARA AGENDA PENGISIANNYA, DI SAMPING MEMINTA MARA MEMBANTU MEMPROMOSIKAN SEMUA PRODUK DESA YANG DIKELUARKAN OLEH SEMUA USAHAWAN DESA TERMASUK DARI FELCRA INI SENDIRI.
23. KKLW JUGA MEMFOKUSKAN KEPADA PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK DAN JUGA TUISYEN RAKYAT.
24. DAN DALAM TAHUN INI JUGA KKLW TELAH MENTERJEMAHKAN FOKUS SISTEM PENYAMPAIAN KEPADA BEBERAPA PROGRAM KHUSUS UNTUK PEMBANGUNAN MASYARAKAT ORANG ASLI DI SELURUH NEGARA.

PENGEKALAN SOKONGAN WARGA DESA KEPADA KERAJAAN

25. APA SAHAJA YANG TELAH DIRANCANG DAN DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN SABAN TAHUN KHUSUSNYA MELALUI KKLW ADALAH DEMI RAKYAT IAITU RAKYAT SEMEMANGNYA SENTIASA DIDAHULUKAN
26. LONJAKAN PERUBAHAN DALAM LANSKAP PEMBANGUNAN LUAR BANDAR SECARA KESELURUHANNYA ADALAH KERANA KERAJAAN SANGAT PRIHATIN SERTA KOMITED DALAM MEMASTIKAN SEMUA PEMBANGUNAN YANG DIRANCANG ITU DILAKSANAKAN TANPA KELEWATAN.
27. FALSAFAH MERAKYATKAN KKLW SEBAGAI CONTOHNYA ADALAH MERUPAKAN SATU HASRAT MURNI KERAJAAN YANG MAHUKAN

SUPAYA SEMUA AGEN PELAKSANYANYA IAITU KEMENTERIAN, JABATAN DAN AGENSI BERADA DILANDASAN YANG BETUL DAN BERADA DEKAT DI HATI RAKYAT KETIKA MELAKSANAKAN SEMUA PROGRAM PEMBANGUNAN, SUPAYA RAKYAT FAHAM AKAN KOMITMEN KERAJAAN INI.

28. HANYA YANG KITA PERLUKAN PULA ADALAH SOKONGAN PADU RAKYAT KE ATAS APA YANG KERAJAAN TELAH DAN AKAN LAKSANAKAN.
29. ADALAH JUGA MENJADI HASRAT KERAJAAN AGAR DENGAN SOKONGAN DARIPADA RAKYAT INI TERHADAP KEPIMPINAN KERAJAAN YANG SEDIA ADA, MAKA KERAJAAN AKAN LEBIH BEKERJA KUAT LAGI DEMI RAKYAT, KE ARAH PEMBINAAN SEBUAH NEGARA MAJU YANG AMAN DAN STABIL.

PENUTUP

YAB DATO SRI DAN SIDANG HADIRIN YANG DIMULIAKAN SEKALIAN

30. SEBELUM SAYA MENGUNDUR DIRI, SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA PEMIMPIN YANG KITA SAYANGI, YAB DATO' SRI MOHD. NAJIB HAJI TUN ABDUL RAZAK, PERDANA MENTERI MALAYSIA DI ATAS KESUDIAN UNTUK BERSAMA DENGAN KITA DALAM MAJLIS YANG BERERTI BUAT KAMI WARGA DESA DI SINI.
31. JUGA UCAPAN TERIMA KASIH YANG TIDAK TERHINGGA KEPADA SELURUH WARGA DESA DI SINI DAN PESERTA-PESERTA FELCRA YANG TETAP SETIA BERSAMA KERAJAAN YANG MEMERINTAH KINI, DARI DULU, KINI DAN SELAMANYA.
32. ILTIZAM SAYA ADALAH, SEBAGAI MENTERI YANG BERTANGGUNGJAWAB LANGSUNG DALAM ASPEK PEMBANGUNAN LUAR BANDAR, SAYA AKAN MEMASTIKAN SUPAYA WARGA FELCRA DI SINI AKAN TERUS TERBELA, TERMASUK JUGA KALANGAN GENERASI KEDUANYA.

SEKIAN, SALAM HORMAT DAN TERIMA KASIH.

WASSALAM.